

20/11/2000

Penolakan Sekolah Wawasan singgung perasaan orang Melayu

M Rahmat

KEKECEWAAN Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap persatuan pendidikan Cina, Dong Zhong dan Jiau Zhong kerana menolak konsep Sekolah Wawasan turut dirasakan semua rakyat di negara ini yang cintakan perpaduan, keadilan dan kecemerlangan negara pada jangka masa panjang.

Kita berasa banyak perkara yang ditimbulkan segelintir masyarakat Cina di Malaysia, selain daripada penolakan Sekolah Wawasan ialah tuntutan yang menyinggung perasaan orang Melayu.

Golongan ini angkuh dan degil kerana tidak bersyukur. Mereka juga nampaknya tidak menghormati bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Kita menyokong ketegasan pemimpin selain dari Dr Mahathir iaitu sikap tegas Tan Sri Musa Mohamad, Menteri Pendidikan yang mahu meneruskan pelaksanaan Sekolah Wawasan. Kita juga menyokong sikap Presiden MCA dan Gerakan yang arif mengenai kebaikan Sekolah Wawasan dari sudut jangka panjang. Golongan penentang ini nampaknya mahu bermain api yang membahayakan negara.

Marilah kita semua berfikir secara rasional, hentikan emosi dan menerima nasihat daripada pemimpin kita. Adalah lebih baik semua kaum mendapat sedikit kepuasan daripada hilang semuanya. Terimalah dengan hati yang terbuka Dasar Pendidikan Negara untuk membina satu bangsa yang kuat menurut acuan kita.